

22 JAN 2002

Sukan-olahraga

PEGAWAI PERTIKAI SURAT TUNJUK SEBAB TERHADAP KOAM

Oleh: Asan Ahmad

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Seorang pegawai kanan Kesatuan Olahraga Amator Malaysia (KOAM) hari ini mempertikaikan hukuman surat tunjuk sebab oleh Pesuruhjaya Sukan Datuk Mahamad Zabri Min terhadap badan itu semalam, sambil menyifatkannya sebagai "tidak bertepatan".

Pegawai itu yang enggan namanya disiarkan berkata tindakan seperti itu boleh diambil jika KOAM mengabaikan pembangunan olahraga.

"Sebaliknya KOAM telah menjalankan pembangunan olahraga secara kerjasama dengan Majlis Sukan Negara (MSN)," katanya kepada Bernama.

"Jika masalah ini menjadi alasan untuk menghukum KOAM, ia perlu dikaji terlebih dahulu memandangkan kemelut yang berlaku dalam KOAM sekarang tiada kaitan dengan masalah pembangunan sukan itu," katanya.

Beliau mengulas surat tunjuk sebab daripada Zabri yang memberi KOAM tempoh 14 hari untuk mengemukakan jawapan mengapa pendaftaran mereka tidak harus digantung atau dibatalkan.

"Saya kurang jelas dengan tindakan ini kerana tidak bertepatan dengan kemelut yang berlaku sekarang. KOAM tidak pernah menghindarkan pembangunan," kata pegawai itu.

Menurutnya apa yang berlaku dalam KOAM adalah sekadar "salah faham kecil" beberapa pegawai dalamam yang sengaja diperbesar-besarkan oleh pihak tertentu.

"Apakah kerana kesatuan ini gagal menyumbang pingat emas semasa sukan SEA lalu telah dijadikan alat untuk memburukkan kesatuan ini...dan sebelum ini pun KOAM dibelenggu masalah serupa tetapi tidak dipertikaikan kerana kejayaan yang telah dicapai," katanya.

Kalau masalah pembangunan yang menjadi perkara pokok untuk menghukum KOAM maka MSN pun turut bertanggungjawab dan jawatankuasa penyiasat yang dilantik oleh Pesuruhjaya Sukan untuk menyiasat masalah ini harus juga menjalankan siasatan terhadap MSN, katanya.

Presiden KOAM Datuk Aidid Syed Murtaza ketika dihubungi bagaimanapun enggan mengulas kerana mahu mengkaji terlebih dahulu kandungan surat tunjuk sebab itu.

"Apa pun KOAM akan mengadakan satu mesyuarat khas dalam masa terdekat ini bagi mencari kata sepakat untuk menjawab surat tunjuk sebab yang telah diterima daripada pejabat Pesuruhjaya Sukan semalam.

Aidid berkata, beliau belum menetapkan tarikh mesyuarat itu tetapi akan diadakan secepat mungkin untuk mendengar pandangan ahli majlis terhadap surat berkenaan.

"Kita akan buat keputusan pada mesyuarat itu...cara mana mahupun apa yang kita mahu jelaskan kepada pejabat Pesuruhjaya Sukan akan ditentukan oleh ahli majlis," kata Aidid.

"Saya mahu ahli majlis membuat keputusan dan ia hendaklah ada kaitannya dengan kandungan surat tunjuk sebab itu," katanya.

Menurutnya lagi KOAM juga telah diarah untuk menangguhkan mesyuarat agung dwi-tahunannya yang dijadualkan berlangsung pada 24 Feb depan.

Ditanya apakah bentuk tindak balas KOAM terhadap surat tunjuk sebab itu, Aidid enggan menjelaskannya kerana ia perlu dibincangkan terlebih dahulu dengan ahli majlis.

"Kita akan kaji cadangan tindakan itu sama ada ia bertepatan dengan kemelut yang berlaku dalam KOAM sekarang atau sebaliknya...tengoklah macam mana. Kalau boleh biarlah masalah ini diselesaikan secara aman tanpa menyinggung mana-mana pihak," kata Aidid.

Beliau juga ditanya mengenai memorandum yang dihantar oleh KOAM

kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, yang dikecam oleh Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein sebagai satu tindakan "bodoh".

" Itu hak dia sebagai menteri. Mungkin dia berpendapat langkah kita menghantar memorandum bertentangan dengan tindakan Pesuruhjaya Sukan terhadap KOAM," katanya.

Aidid menjelaskan bahawa memorandum tersebut sekadar untuk menjelaskan kepada Perdana Menteri tentang sejarah KOAM, pencapaiannya pada masa-masa lampau dan juga aktiviti-aktiviti yang telah dan sedang dirancang.

-- BERNAMA

AHA AU